

AAB

Mahathir - Matlamat (Ulangan Membetulkan Perenggan Pertama) '''

I

KUALA LUMPUR, 28 Feb (Bernama) -- Majlis Perdagangan Malaysia, yang baru ditubuhkan menetapkan matlamat tempoh 30 tahun untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Pada mesyuarat sulung majlis itu, di sini Perdana Menteri membentangkan kertas kerja bertajuk +Malaysia - Melangkah ke Hadapan+ yang mengetengahkan pandangannya mengenai bagaimana matlamat itu boleh dicapai.

+Kita ingin Malaysia menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020,+ katanya pada persidangan akhbar selepas mesyuarat itu.

Majlis itu dilancarkan oleh Perdana Menteri hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, matlamat itu mungkin seperti +terlalu bercita-cita+, tetapi katanya, inilah yang ingin dicapai oleh Malaysia, dan bukan setakat mencapai taraf +Negara Perindustrian Baru+ dalam tempoh itu.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, kertas kerjanya itu menggariskan bidang-bidang penting yang perlu diberi perhatian, kadar pertumbuhan yang perlu dicapai dan kerjasama antara sektor swasta dan awam. -- Lagi.

♥28/02/20-37MST

CNS7795

U GB 28-02 00145 BA531

AAB

Mahathir - Matlamat 2 Kuala Lumpur

Semasa menjawab soalan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata bahawa kertas kerja itu menekankan mengenai konsep Malaysia mengenai sebuah negara yang maju dan cabaran-cabaran yang mungkin dihadapinya.

Beliau berpendapat bahawa negara tidak harus hanya dimajukan daripada segi ekonomi tetapi juga daripada segi kerohanian dan psikologi dengan nilai-nilai etika yang kukuh.

Pelbagai cabaran yang telah dikenal pasti termasuk perlunya mewujudkan sebuah negara Malaysia yang bersatu dengan masa depan yang satu yang dikongsi bersama. Beliau juga menekankan tentang perlunya bagi lebih banyak penyertaan bumiputera dalam ekonomi.

Kertas kerja itu akan diedarkan kepada pihak akhbar oleh sekretariat majlis itu esok.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, anggota-anggota majlis itu tidak terikat dengan hasil yang diputuskan oleh majlis itu dan menambah kata bahawa ia lebih merupakan sebagai platform dialog untuk mengemukakan pendapat. -- Lagi.

U GB 28-02 00155 BA532

AAB

Mahathir - Matlamat 3 Kuala Lumpur '''

Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga pengerusi majlis itu berkata, kerajaan akan menggabungkan pandangan-pandangan yang didapati sesuai ke dalam dasar-dasarnya, termasuk dalam menggubal dasar ekonomi baru.

Katanya, dalam masa yang sama, sektor swasta perlu menerima sebarang keputusan majlis itu yang akan dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

Perdana Menteri juga menegaskan bahawa perkara-perkara yang dibincangkan oleh majlis itu bukan rahsia dan anggota-anggotanya bebas bercakap kepada media massa mengenai perbincangan itu.

Generasi akan datang, yang sekarang belajar di sekolah, juga perlu diberitahu mengenai objektif-objektif negara supaya mereka dapat menyesuaikan diri dengan nilai-nilai yang murni, katanya.

Dua lagi kertas kerja dibentangkan pada mesyuarat itu. Ia ialah mengenai kesan akibat krisis Teluk dan mengenai rancangan penswastaan kerajaan.

Kertas kerja mengenai krisis Teluk menekankan mengenai kesannya kepada ekonomi Malaysia dan cara untuk menyesuaikan dan mengimbangkan kesan-kesan buruk yang mungkin berlaku. -- Bernama.

♥28/02/20-56MST